



**PERANAN KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA DALAM “MENYEMPURNAKAN”
MAHASISWA: KAJIAN DI UNIVERSITI MALAYA**

The Role of Philosophy and Current Issues Course in "Refining" Students: A Study at Universiti Malaya

Faezah Kassim^{1*}, Mohd Rahimi Ramli², Noor Ain Mat Noor¹, Irene Seok-Ching Yong¹, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis¹

¹Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, 26300 Kuantan, Malaysia

*Corresponding Author Email: faezahkassim@um.edu.my

Received: 12 August 2022 • Accepted: 9 September 2023 • Published: 31 October 2023

Abstract

The Philosophy and Current Issues course (FIS) offered to undergraduates in the local universities is a compulsory course which is hopeful to shape students in accordance to the desired National Education Philosophy. The skill attribute of learning outcome within the Malaysian Qualifications Framework for the course comprises Inquisitive Mind (KKM4), Social Skills and Social Responsibilities (KKM3C), and Autonomous Learning (KKM4). Graduates from local universities are often criticised for lacking critical thinking skills, weak in general knowledge and do not demonstrate social skills, social responsibility, and are lack of self-independence in carrying out duties when they enter employment. Hence, these skills are so-designed to be imparted through the FIS course in Universiti Malaya. Therefore, this research is set out to gain insights into the implementation of the course and students' achievement in the attributes of Inquisitive Mind (KKM4), Social Skills and Social Responsibilities (KKM3C), as well as Autonomous Learning (KKM4) for the FIS course at Universiti Malaya. The research sample is composed of first-year students who undertook the course during Semester I and II in Session 2020/2021. In this study, the analyses on the related documents of FIS course was done by observing the level of achievement of the three mentioned attributes across the learning methodology executed. The analysis outcome based on the continuous assessment results and examination showed that students had attained KKM4, whereby more than 70 percent of the students attained the level set. Besides, the KKM3C attribute was also attained. This study suggests that future research may extend to sample from graduates who have entered employment in order to reevaluate the

effectiveness of the skills mastered, and to find out whether these skills are truly practical and applicable in their career and society.

Keywords: *Philosophy and Current Issues, Inquisitive Mind attribute, Social Skills, Social Responsibilities, Autonomous Learning*

Abstrak

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) yang ditawarkan kepada para pelajar di peringkat sarjana muda di universiti tempatan merupakan kursus wajib yang diharapkan mampu membentuk pelajar sebagaimana yang ingin dicapai oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Atribut Kemahiran Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia di dalam kursus ini terdiri daripada Minda Ingin Tahu (KKM4), Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial (KKM3C) serta Pembelajaran Berautonomi (KKM4). Para graduan daripada universiti tempatan sering dikritik tidak berfikiran kritis, lemah dalam pengetahuan semasa dan tidak dapat menunjukkan kemahiran komunikasi, tanggungjawab sosial dan lemah dalam berdikari apabila melaksanakan tugas setelah memasuki alam pekerjaan. Justeru, kemahiran tersebut telah diterapkan dalam kursus FIS di Universiti Malaya. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat pelaksanaan dan pencapaian pelajar dalam atribut Minda Ingin Tahu (KKM4), Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial (KKM3C) serta Pembelajaran Berautonomi (KKM4) yang diterapkan dalam kursus FIS di Universiti Malaya. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar Tahun 1, Semester II dan II, Sesi 2020/2021. Dalam kajian ini, analisis terhadap dokumen pelaksanaan dan pentaksiran kursus FIS dilakukan dengan meneliti tahap pencapaian ketiga-tiga atribut tersebut melalui kaedah pembelajaran yang dilaksanakan terhadap pelajar. Hasil analisis ke atas keputusan penilaian berterusan dan peperiksaan menunjukkan bahawa pelajar telah mencapai tahap yang telah ditetapkan bagi KKM4, iaitu lebih daripada 70 peratus pelajar didapati mencapai tahap yang ditetapkan. Di samping itu, atribut KKM3C juga berjaya dicapai. Kajian ini mencadangkan bahawa kajian lanjutan boleh dijalankan menggunakan sampel graduan yang telah memasuki alam pekerjaan bagi menilai semula keberkesanan kemahiran yang telah dikuasai untuk mengetahui sama ada kemahiran tersebut benar-benar praktikal dan boleh diguna pakai di alam pekerjaan dan masyarakat.

Kata kunci: *Falsafah dan isu semasa, atribut minda ingin tahu, komunikasi sosial, tanggungjawab sosial, pembelajaran berautonomi*

Cite as: Kassim, F., Ramli, M.R., Mat Nor, N.A., Yong, Irene Seok-Ching & Abdul Azzis, M.S. (2023). *The Role of Philosophy and Current Issues Course in "Refining" Students: A Study at Universiti Malaya. Asian People Journal, 6(2), 35-46.*

PENGENALAN

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) telah ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bermula sesi pengambilan 2019/2020. Ini adalah sejarah dengan keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri pada 12 Jun 2019 (Pengemaskinian Struktur Kursus MPU, 2019) yang menetapkan bahawa pelaksanaan kursus ini adalah wajib bagi seluruh Institut Pengajian Tinggi (IPT). Namun begitu, pelaksanaan penawaran kursus dilakukan secara berperingkat di seluruh negara bergantung kepada persediaan IPT tersebut. Di Universiti Malaya, kursus ini ditawarkan bermula pada semester 2, sesi 2020/2021.

Kursus FIS dirangka dan dibentuk berdasarkan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) yang tertakluk dengan Akta 2007, Agensi Kelayakan Malaysia Malaysian yang mana ia mempunyai peranan dalam menetapkan tahap untuk semua kelayakan di pendidikan tinggi dan sektor latihan (Malaysian Qualifications Agency, 2007). Justeru, kursus ini dibentuk bukan secara sewenang-wenangnya tanpa asas dan perancangan. Ia mempunyai hasil pembelajaran yang perlu dicapai sejajar dengan hasrat dan tujuan kursus ini diperkenalkan. Sebagaimana menurut Xifu Naser (2019), "...melalui nama kursus ini sahaja sudah jelas bahawa ia ingin membina pemikiran kritis dalam kalangan mahasiswa bila menilai isu-isu semasa. Ia bukan belajar falsafah demi falsafah sendiri tetapi ia adalah belajar falsafah dengan tujuan untuk lebih memahami keluasan skop dan konteks isu semasa".

Secara keseluruhannya menurut KKM, hasil pembelajaran menjelaskan keperluan dan kompleksiti pembelajaran setiap tahap yang terkandung dalam konteks pengajian atau situasi kerja/praktis. Misalnya pengetahuan dan pemahaman adalah sifat yang dominan dan penting semasa mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran. Terdapat lima kluster hasil pembelajaran menurut KKM, iaitu i. Pengetahuan dan pemahaman ii. Kemahiran kognitif iii. Kemahiran fungsi kerja dengan fokus (Kemahiran praktikal, Kemahiran interpersonal, Kemahiran komunikasi, Kemahiran digital, Kemahiran numerasi, kepimpinan, autonomi dan bertanggungjawab) iv. Kemahiran personal dan keusahawanan v. Etika dan profesionalisme. Bagi kursus FIS, terdapat tiga atribut KKM yang terkandung di dalam kursusnya iaitu atribut Minda Ingin Tahu (Kemahiran personal dan keusahawanan/KKM4), Komunikasi sosial dan tanggungjawab sosial (kemahiran komunikasi/KKM3C) serta Pembelajaran berautonomi (Kemahiran Personal dan keusahawanan/ KKM4) (Malaysian Qualifications Agency. 2017).

Pernyataan Masalah

Berdasarkan statistik pengangguran graduan siswazah, jumlah graduan siswazah Malaysia yang menganggur mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 5.29 juta atau 6.9 peratus lebih tinggi pada 2019 berbanding 4.94 juta pada tahun 2018. Pada tahun 2020, kadar pengangguran dalam kalangan siswazah dalam guna tenaga tidak penuh dan siswazah menganggur meningkat ketara sebanyak 22.5 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Isu pengangguran dalam kalangan siswazah tempatan menjadi isu utama yang sering diketengahkan oleh pelbagai pihak. Majikan daripada pelbagai syarikat mahupun daripada badan kerajaan pernah mengemukakan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada para graduan lulusan tempatan. Dalam aspek ini, kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh majikan seperti adaptabiliti, analitik, komunikasi, initiatif, interpersonal, kepimpinan, keyakinan diri dan bekerja dalam kumpulan merupakan kemahiran insaniah yang perlu ada pada mahasiswa (Hamzah bin Zakaria et al., 2015).

Sering kali graduan tempatan dikritik kurang berfikiran kritis, lemah dalam pengetahuan semasa, tidak dapat menunjukkan kemahiran komunikasi dan tanggungjawab sosial serta kurang mempunyai sifat berdiskusi semasa melaksanakan tugasan apabila memasuki alam pekerjaan. Malahan apabila graduan terdedah dengan dunia luar iaitu setelah bergraduat, pemikiran dan tingkah laku yang bersesuaian dengan situasi semasa dalam persekitaran tempat kerja dan masyarakat juga memperlihatkan kepincangan ketika berhadapan dengan persekitaran yang sentiasa berubah. Justeru, kemahiran yang bersesuaian seperti yang dinyatakan di atas telah diterapkan di dalam kursus FIS di Universiti Malaya.

Bagi mengatasi masalah sumber manusia yang dihadapi oleh pelbagai pihak berkepentingan di Malaysia, pihak tertentu iaitu kerajaan dan institusi pengajian tinggi perlulah memainkan peranan penting. Kepentingan peranan institusi pengajian tinggi dilihat dari sudut sumbangan kepada pembangunan sosial, ekonomi dan politik bangsa melalui pengeluaran warganegara yang berkualiti. Tidak dapat dinafikan bahawa sumber manusia yang berkemahiran tinggi dan berbakat serta memiliki pengetahuan baharu adalah diperlukan dalam usaha membangunkan negara. Justeru, satu panduan telah disediakan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pelaksanaannya dijelaskan di dalam Malaysia Education Blueprint 2015 – 2025 (Ministry of Higher Education, 2015). Sehubungan itu, Universiti Malaya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi turut memainkan peranan penting dalam menghasilkan graduan berkualiti. Salah satunya adalah melalui pengenalan kursus wajib universiti iaitu kursus Falsafah dan Isu Semasa. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat kepada pencapaian kemahiran insaniah yang ingin diterapkan kepada para pelajar dan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang disediakan melalui kursus ini.

Teori dan Konsep

Penekanan terhadap “menyempurnakan” mahasiswa yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) kerana falsafah ini digubal dengan tujuan untuk membentuk pelajar dan insan yang seimbang dari semua segi. Menurut Osman Bakar (2018), sesebuah falsafah pendidikan dilihat sebagai baik lagi menarik dalam erti kata ia bersifat komprehensif, menyeluruh dan progresif sekiranya ia memperlihatkan keseimbangan idea antara ciri-ciri keuniversalan (bahasa Arab: *kulli*) dan ciri-ciri kekhususan (bahasa Arab: *juz 'i*), antara ciri-ciri global dan ciri-ciri tempatan, antara ciri-ciri kekal dan ciri-ciri berubah dan antara ciri-ciri kemanusiaan dan ciri-ciri kebendaan terutamanya yang berupa cetusan teknologi. Namun demikian, dari segi praktik, terdapat jurang perbezaan yang ketara di antara falsafah pendidikan yang terkandung di dalam dokumen dengan sistem pendidikan yang dilahirkan daripadanya.

Pemahaman matlamat pendidikan berdasarkan pandangan al-Qabisi adalah bercorak preskriptif iaitu memberikan didikan kepada anak untuk menjadi seorang muslim yang memiliki ilmu agama yang kukuh seiring dengan amalan agamanya yang baik di samping menerapkan akhlak yang terpuji. Teori pendidikan al-Qabisi tidak semata-mata hanya memfokuskan kepada konsep akal sahaja bahkan turut menumpukan aspek afektif dan psikomotor. Mengetahui agama secara teori dan amali merupakan tujuan utama pendidikan anak-anak menurut al-Qabisi. Beliau menyatakan bahawa kehidupan ini merupakan tempat persinggahan untuk menuju akhirat. Demikianlah setiap manusia akan menghabiskan setiap detik dan amal perbuatannya semata-mata untuk jalan agama, bangsa dan negara. Malahan beliau menyeru umat Islam mencontohi generasi sahabat dan *tabiin* (Muhammad Amirul & Muhammad Zulazizi, 2020).

Sementara itu, menurut Mok Soon Sang (2009), falsafah mempersoalkan prinsip-prinsip realiti, ilmu dan nilai. Bagi membangunkan intelektual dan pemikiran manusia, salah satu cabang utama falsafah iaitu epistemologi berperanan untuk membangun manusia. Kewujudan konsep ilmu ini mampu meningkatkan dan memperkembangkan minda manusia. Proses “menyempurnakan” ini ada dijelaskan oleh Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2009) yang berpendapat bahawa pendidikan secara umumnya ialah perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekaligus beradab. Perbincangan mengenai pendidikan dalam pengertian yang luas ruang lingkupnya pasti menyentuh aspek perubahan dan membicarakan agenda pembinaan akhlak serta seluruh kelompok yang termasuk dalam kerangka pendidikan itu. Dengan itu, tujuan dan matlamat pendidikan adalah bagi melahirkan insan sempurna.

Ikwan Lubis et al. (2021), menyatakan matlamat pendidikan juga ialah perubahan dan transformasi diri individu dari satu tahap ke satu tahap yang lebih baik. Perubahan dan transformasi ini tidak akan terlaksana tanpa melibatkan pembangunan insan yang perlu direncanakan dan mengikut acuan FPK. Pembangunan insan yang seimbang dan holistik tidak akan memungkinkan salah satu aspek tetapi akan digabungjalinkan agar dapat melahirkan insan yang mempunyai pegangan agama, nilai-nilai murni serta mempunyai kemahiran yang mantap. Berdasarkan FPK, matlamat pendidikan adalah bagi melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis dari semua aspek kemanusiaan. Di dalam pernyataan FPK, terdapat unsur-unsur penting yang berkaitan dengan pembangunan insan iaitu membangunkan intelek, membangunkan rohani dan emosi serta membangunkan jasmani. Elemen-elemen ini penting disepadukan bagi membangunkan insan agar tidak berlaku kepincangan kejadian terhadap makhluk ciptaan Allah s.w.t.

Justeru, teori dan konsep yang dibincangkan oleh para sarjana ialah sama ada proses atau matlamat akhir bagi membentuk insan yang seimbang dari segi akhlak, keperibadian, tingkah laku dan kemahiran bidang yang dipelajari adalah perkara pokok dalam kajian mereka. Perubahan perlu berlaku kepada diri pelajar iaitu daripada insan yang “kurang” kepada “sempurna”. Bahkan dalam konteks ini, perlu ada pihak yang bertanggungjawab untuk menyediakan perancangan dan melaksanakan proses “penyempurnaan” yang dimaksudkan. Pihak-pihak inilah yang harus mengenal pasti segala kekurangan atau kelemahan pelajar serta membantu pelajar ke arah menjadi insan yang lebih mantap.

Kajian Lepas

Umumnya, terdapat beberapa buah IPTA yang telah melakukan penilaian terhadap pengajaran kursus FIS. Antaranya ialah Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui kajian yang dilaksanakan oleh Syamsul Azizul Marinsah et al. (2021) yang memfokuskan kepada analisis elemen-elemen pembentukan pemikiran kritis dalam modul FIS di UMS. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa wujudnya beberapa elemen kemahiran dan sub kemahiran yang mampu menyumbang ke arah pembentukan dan penerapan pemikiran kritis di dalam modul FIS. Modul FIS yang digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) didapati mampu menerapkan elemen kemahiran yang terkandung kepada para pelajar. Namun begitu, kajian ini tidak melihat kepada pencapaian pelajar setelah mengikuti kursus FIS kerana tumpuan kajian hanyalah pada isi kandungan modul dan perancangan dalam penyampaian kursus tersebut kepada pelajar.

Berikutnya, kajian berkaitan penerimaan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap kursus FIS yang dijalankan oleh Latifah Abdul Latiff, Ros Aiza Mohd. Mokhtar & Abd. Hakim Mohad (2020). Kajian ini dilaksanakan bagi melihat pandangan dan penerimaan pelajar tahun satu yang berada di semester kedua sesi pengajaran 2019/2020. Fokus kajian adalah terhadap pelajar yang telah mengambil kursus FIS. Kaedah kajian adalah secara kuantitatif dengan tujuan untuk mengutip data berkenaan demografi dan persepsi pelajar terhadap kursus tersebut. Seramai 526 pelajar menyumbang kepada dapatan kajian ini. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa penerimaan pelajar terhadap kursus FIS adalah baik dengan pelajar memberikan respon yang positif. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kursus FIS turut menggalakkan aktiviti berfikir dalam kalangan pelajar melalui tugas yang diberikan kepada mereka. Tugasan atau aktiviti yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kajian kes dan analisis video. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melakukan analisis terhadap hasil pembelajaran kursus bagi menilai pencapaian pelajar yang sebenar. Seharusnya, analisis terhadap pencapaian tugas-tugasan yang diberikan kepada pelajar perlu dilakukan bagi menyokong dapatan kajian ini yang bersandarkan kepada persepsi semata-mata.

Sementara itu, kajian oleh Mohd. Sohaimi Esa et al. (2021) pula melihat kepada keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sama ada ia bersesuaian dengan norma baharu kesan daripada penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah bagi melihat pencapaian objektif, kesesuaian kurikulum dan kaedah PdP. Hasil kajian ini mendapat bahawa matlamat asas dan objektif kajian adalah tercapai walaupun dilaksanakan dalam talian sepenuhnya. Namun begitu, kajian ini juga mendapat PdP akan lebih berkesan sekiranya dijalankan secara bersemuka. Berbeza pula dengan kajian oleh Mohammad Taufiq Abdul Ghani et al. (2019) yang mendapat bahawa pelajar lebih terkesan dengan pendekatan pembelajaran teradun dalam proses PdP. Menurut beliau, kaedah pembelajaran secara teradun yang menggabungkan kaedah pembelajaran secara bersemuka dan secara atas talian bukan sahaja dapat membuka ruang kepada pensyarah untuk lebih kreatif dalam proses PdP, malahan secara tidak langsung dapat menarik minat dan fokus pelajar ekoran kepelbagaiannya teknik dan kaedah PdP.

Di samping itu, Faridah Che Husain et al. (2018) telah mengkaji tentang kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) berkaitan strategi pembelajaran kursus tersebut di Universiti Malaya dan persepsi pelajar terhadap strategi pembelajaran yang menerapkan elemen Kemahiran Insaniah (KI) serta pencapaian mereka bagi memperoleh KI tersebut. Kajian ini memfokuskan dua elemen KI iaitu kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran berkomunikasi. Kajian tersebut mendapat bahawa persepsi pelajar terhadap strategi pembelajaran dan kaedah penilaian adalah signifikan dan memberi kesan yang positif kepada pencapaian yang diperoleh dalam penilaian kerja kursus dan pencapaian KI. Pelajar tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan tugas secara berkumpulan yang terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang. Mereka juga kurang berminat untuk melaksanakan tugas berbentuk laporan bertulis berbanding tugas yang dilihat lebih menyeronokkan terutamanya melibatkan aktiviti luar kelas. Berdasarkan kepada kajian ini, perubahan terhadap kaedah PdP perlu dilakukan bersesuaian dengan minat pelajar. Mereka lebih gemar mengadakan aktiviti yang bukan hanya kuliah secara bersemuka di dalam dewan kuliah. Aktiviti seperti lakonan dan merakamkan video dan kaedah PdP melalui platform ICT seperti *e-learning* atau *e-class* perlu digunakan.

Selain kajian yang memberikan tumpuan terhadap pelajar, kajian yang memfokuskan terhadap pengajar juga merupakan salah satu aspek penting bagi melihat dengan lebih jelas aspek pelaksanaan PdP di dalam kelas. Secara umumnya, masih belum terdapat mana-mana kajian signifikan yang memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh pengajar umumnya dan pensyarah khususnya. Kajian yang paling hampir dalam melihat aspek ini dapat dilihat melalui kajian Norazlin Mohd. Rusdin & Siti Rahimah Ali (2019) yang menumpukan terhadap kemampuan dan amalan guru semasa di dalam kelas. Antara yang disentuh dalam kajian ini adalah meliputi pandangan guru, amalan pengajaran, kekangan dan cabaran serta faktor-faktor yang mempengaruhi amalan guru semasa di dalam kelas. Menurut penulis, resos, kemudahan dan perkembangan profesionalisme dilihat memberikan impak yang besar terhadap kualiti pengajaran. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa guru mempunyai pandangan yang positif terhadap pembelajaran abad ke-21 meskipun mereka berhadapan dengan cabaran seperti kekangan masa, pengetahuan yang kurang mencukupi serta resos dan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang terhad. Kajian lepas ini perlu dilihat kerana selain daripada modul dan tugas kursus yang diberikan kepada pelajar, faktor pengajar atau pensyarah sebagai pemudahcara perlu diambil perhatian. Golongan inilah yang bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan kursus FIS mampu mencapai hasrat yang diinginkan.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat pelaksanaan dan pencapaian pelajar dalam atribut Minda Ingin Tahu (KKM4), Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial (KKM3C) serta Pembelajaran Berautonomi (KKM4) yang diterapkan di dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan data dari sumber sekunder atau dokumen bertulis dikenali sebagai penyelidikan berdasarkan sumber sekunder atau penyelidikan arkib. Ia adalah pendekatan penyelidikan di mana penyelidik mengumpul, menganalisis, dan menilai maklumat daripada sumber-sumber tertulis yang sedia ada seperti dokumen, laporan, buku, artikel jurnal, surat khabar, dan rekod arkib. Kajian ini dilakukan dengan mengumpul data daripada dokumen pelaksanaan dan pentaksiran kursus FIS serta sumber ilmiah lain seperti buku, artikel jurnal dan kertas kerja prosiding. Analisis diskriptif digunakan dalam kajian ini, iaitu melibatkan penyusunan data secara deskriptif untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang pencapaian kumpulan-kumpulan pelajar tersebut. Analisis diskriptif dapat memvisualisasikan perbezaan atau persamaan dalam pencapaian. Analisis dilakukan ke atas keputusan pencapaian dua kumpulan pelajar yang mengambil kursus FIS, iaitu pada Semester I dan II, Sesi 2020/2021. Jumlah pelajar bagi Semester I adalah seramai 124 orang manakala Semester II adalah seramai 120 orang pelajar iaitu mewakili 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mengambil kursus ini pada setiap semester. Analisis pencapaian pelajar adalah berdasarkan kepada ketiga-tiga atribut yang dinyatakan di atas. Atribut tersebut terkandung di dalam kaedah pembelajaran yang dilaksanakan oleh pelajar. Setiap daripada atribut tersebut terdapat pada Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) yang telah ditetapkan oleh KKM. Atribut Minda Ingin Tahu (KKM4) dinilai berdasarkan kepada peperiksaan dengan markah yang diperuntukkan adalah sebanyak 30 peratus. Atribut Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial (KKM3C) pula terdapat di dalam pelaksanaan tugas kajian kes dengan markah yang diperuntukkan adalah sebanyak 20 peratus untuk laporan daripada hasil kajian kes tersebut. Sementara itu, atribut Pembelajaran Berautonomi (KKM4) pula terdapat dalam tugas berkaitan kajian perpustakaan dan dinilai berdasarkan kepada pembentangan poster yang mengandungi hasil kajian tersebut. Markah yang diperuntukkan pada pembentangan poster adalah sebanyak 50 peratus.

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada *Malaysian Qualification Framework 2nd edition* (Malaysian Qualifications Agency. 2017), atribut KKM yang terdapat dalam kursus FIS terdiri daripada kemahiran interpersonal yang merujuk kepada pelbagai kemahiran. Kemahiran tersebut termasuk komunikasi interaktif; kemahiran hubungan dan kerjasama dalam menguruskan hubungan kumpulan dan organisasi; hubungan dengan pelbagai budaya serta kemahiran sosial/etiket. Kemahiran berkomunikasi pula merujuk kepada kebolehan berkomunikasi/menyampaikan maklumat/idea/laporan dengan yakin dan profesional. Komunikasi haruslah berkesan dan baik dalam pelbagai medium, pendengar dan dalam situasi yang berbeza. Penjelasan kaedah kajian di atas dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan Jadual 1 di bawah. Setiap satu HPK mempunyai atribut KKM, kaedah pembelajaran dan kaedah penilaian. Di samping itu, ditunjukkan juga sasaran pencapaian HPK kursus ini bagi setiap semester. Sasaran pencapaian ialah 70 peratus daripada pelajar memperoleh markah yang ditetapkan, iaitu berdasarkan kepada kaedah pembelajaran dan kaedah penilaian. Sasaran ini ditentukan berdasarkan kepada penilaian pencapaian pelajar bagi

enam semester yang lepas dan didapati penetapan 70 peratus tersebut adalah bersesuaian iaitu tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah untuk dicapai.

Jadual 1: HPK, Atribut KKM, Kaedah Pembelajaran dan Kaedah Penilaian

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Atribut KKM	Kaedah Pembelajaran	Kaedah Penilaian
1. Menjelaskan isu semasa berlandaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.	KKM4: Minda Ingin Tahu <i>(Engage effectively in self-directed lifelong learning and professional pathways).</i>	Kuliah (30%) Sasaran: 70% daripada keseluruhan pelajar mendapat sekurang-kurangnya 15 markah daripada 30 markah (50 – 100%) yang diperuntukkan untuk peperiksaan.	Peperiksaan
2. Menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah.	KKM3C: Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial <i>(Work together with different people in diverse learning and working communities)</i>	Kajian Kes (20%) Sasaran: 70% daripada keseluruhan pelajar telah mencapai markah sekurang-kurangnya 10–20 (50 – 100%)	Laporan Kajian Kes
3. Menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalinkan dialog antara budaya.	KKM4: Pembelajaran Berautonomi <i>(Demonstrate an appreciation of broader socio-political economic and cultural issues at local/national level)</i>	Kajian Perpustakaan: Poster Infografik (50%) Sasaran: 70% daripada keseluruhan pelajar telah mencapai markah isi kandungan sekurang-kurangnya 25 – 50 (50 – 100%).	Pembentangan Hasil Kajian

Melalui kuliah yang disampaikan oleh pensyarah meliputi kesemua silibus, pelajar seharusnya mampu menerangkan isu berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah. Sifat yang sentiasa ingin tahu berkenaan bidang falsafah secara umumnya menyentuh pemikiran utama yang ada di dunia timur dan barat dapat diterapkan. Sifat ini seharusnya diteruskan oleh pelajar dalam bidang-bidang lain yang dipelajari oleh mereka. Atribut minda ingin tahu ini akan mendorong pelajar menuntut ilmu selain daripada dipelajari di dalam kuliah untuk menjadikan mereka bakal graduan berpengetahuan luas. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Latifah Abdul Latiff, Ros Aiza Mohd. Mokhtar & Abd. Hakim Mohad (2020) yang mendapati kursus FIS menggalakkan pelajar melakukan aktiviti berfikir dalam melaksanakan tugas yang diberikan semasa mengikuti

kursus tersebut. Mok Soon Sang (2009) juga menyebut bahawa bagi membangunkan intelektual dan pemikiran manusia, salah satu cabang utama falsafah iaitu epistemologi berperanan untuk membangun manusia.

Jadual 2: Peratus dan Jumlah Pencapaian Pelajar dalam HPK Berdasarkan Kaedah Penilaian

Hasil Pembelajaran Kursus	Kaedah Penilaian	Semester 1 n:124	Semester 2 n: 120
Menjelaskan isu semasa berlandaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.	Peperiksaan (30%)	122 (98%) orang pelajar mencapai markah antara 15-30 (50-100%)	119 (99%) orang pelajar mencapai markah antara 15 – 30 (50-100%)
Menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah.	Laporan Kajian Kes (20%)	122 (98%) daripada keseluruhan pelajar telah mencapai markah sekurang-kurangnya 10-20 (50-100%)	120 (100%) daripada keseluruhan pelajar telah mencapai markah sekurang-kurangnya 10-20 (50- 100%)
Menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalankan dialog antara budaya.	Pembentangan Hasil Kajian (50%)	122 (98%) daripada keseluruhan pelajar telah mencapai markah isi kandungan sekurang-kurangnya 25-50 (50-100%).	120 (100%) daripada keseluruhan pelajar telah mencapai markah isi kandungan sekurang-kurangnya 25- 50 (50- 100%).

Dari segi pencapaian pelajar bagi kursus FIS di Universiti Malaya, pada Semester I, seramai 122 daripada 124 orang pelajar memperoleh markah antara 50 hingga 100 peratus untuk peperiksaan. Berdasarkan kepada maklumat pendaftaran pelajar, didapati bahawa terdapat dua orang pelajar yang menarik diri daripada mengikuti kursus FIS dan ini memberi kesan terhadap pencapaian keseluruhan. Sementara itu, pada Semester II pula menunjukkan peningkatan dalam peperiksaan iaitu seramai 119 daripada 120 orang pelajar atau 99 peratus memperoleh markah antara 50 hingga 100 peratus. Hanya seorang sahaja pelajar yang memperoleh markah kurang 15 atau 50 peratus.

Atribut KKM3C Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial (*Work together with different people in diverse learning and working communities*) terdapat di dalam proses melaksanakan tugas kajian kes. Tugasan ini merupakan tugas berkumpulan yang melibatkan seramai lima orang pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik dan fakulti. Pentaksiran dilihat berdasarkan kepada laporan hasil kajian kes. Kumpulan pelajar yang tidak mempunyai masalah dalam bekerjasama dan saling memahami serta bertolak ansur akan menghasilkan laporan yang baik. Pada Semester I, seramai 122 orang atau 98 peratus mencapai markah antara 50 hingga 100 peratus manakala pada Semester II pula, seramai 120 orang atau 100 peratus pelajar mencapai markah antara 50 hingga 100 peratus. Sebagaimana yang dijelaskan dalam kajian oleh Faridah Che Husain et. al (2018), pelajar di Universiti Malaya sememangnya tidak berhadapan dengan masalah bekerjasama dan komunikasi dengan ahli kumpulan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Sementara itu, pencapaian bagi hasil kajian perpustakaan pada Semester I memperlihatkan seramai 122 orang atau 98 peratus memperolehi markah antara 50 hingga 100 peratus. Pada Semester II pula, kesemua pelajar atau 100 peratus mencapai markah antara 50 hingga 100 peratus. Pembentangan hasil kajian perpustakaan ini menerapkan atribut Pembelajaran Berautonomi (KKM4) (*Demonstrate an appreciation of broader socio-political economic and cultural issues at local/national level*). Sebagaimana dengan tugas kajian kes, hasil kajian perpustakaan ini juga merupakan tugas yang perlu dilakukan oleh pelajar secara berkumpulan. Pentaksiran dilihat berdasarkan kepada hasil kajian yang dibentang. Hasil kajian yang menunjukkan terdapatnya analisis yang kritis mengenai isu-isu sama ada dari segi sosiopolitik ekonomi dan budaya tempatan. Kajian perlu mengenal pasti dan menganalisis antaranya ialah isu semasa, faktor, peranan pihak yang bertanggungjawab dan mencadangkan untuk mengatasi isu tersebut. Pencapaian KKM4 ini dinyatakan oleh Syamsul Azizul Marinsah et. al (2021) bahawa modul FIS mempunyai elemen-elemen pembentukan pemikiran kritis dan wujudnya beberapa elemen kemahiran dan sub kemahiran yang mampu menyumbang ke arah pembentukan dan penerapan pemikiran kritis. Oleh itu, pelajar perlu mempunyai kefahaman yang baik terhadap isi kandungan modul dan juga melalui penyampaian kuliah yang baik oleh pensyarah yang mampu membantu pelajar untuk menerapkan atribut ini di dalam diri mereka.

Pencapaian atribut KKM yang baik ditunjukkan oleh pelajar dalam kursus FIS ini menjelaskan bahawa proses “menyempurnakan” pelajar telah berlaku. Sebagaimana menurut Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2009) dan Ikwan Lubis et. al. (2021), berlaku perubahan terhadap diri pelajar menjadi insan yang lebih baik daripada sebelumnya. Kemahiran yang tiada atau lemah pada diri mereka dapat diterapkan atau ditingkatkan lagi. Ini sejajar dengan menyatakan matlamat pendidikan itu yang menekankan kepada perubahan dan transformasi diri individu dari satu tahap ke satu tahap yang lebih baik.

KESIMPULAN

Matlamat pendidikan berdasarkan FPK adalah bagi melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis dalam semua aspek kemanusiaan. Pembangunan insan, iaitu membangunkan intelek, membangunkan rohani dan emosi serta membangunkan jasmani ditekankan di dalam FPK. Maka kursus FIS yang diperkenalkan adalah sejajar dengan matlamat FPK. Kemahiran insaniah yang diterapkan dapat melengkapkan kemahiran yang dikehendaki oleh majikan apabila bergraduat kelak. Universiti Malaya memperkenalkan kursus FIS kepada para pelajarnya dengan harapan ia dapat membantu membentuk pelajar yang seimbang serta berpengetahuan luas dengan bukan hanya sekadar mempunyai pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang khusus yang diikuti oleh mereka di fakulti sahaja sebaliknya meliputi pengetahuan yang lebih meluas. Berdasarkan pencapaian HPK serta atribut KKM di dalam kursus FIS ini, jelaslah bahawa pelaksanaan kursus ini iaitu berasaskan kepada modul FIS, kaedah yang digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran serta kaedah pentaksiran atau penilaian didapati mampu menerapkan atribut KKM yang terkandung kepada para pelajar.

RUJUKAN

- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Faridah Che Husain, Faezah Kassim, Noor Ain Mat Noor, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis & Mohd. Syarieffuddin Abdullah. (2018). Pelaksanaan dan Persepsi Pelajar terhadap Strategi Pembelajaran dan

- Kemahiran Insaniah dalam Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Malaya. *Jurnal Sains Insani*, 3(2), 74-82. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no2.63>
- Hamzah bin Zakaria, Saidatul Nizan bt. Nasroddin, ZulHilmy bin Hashim. (2015). Softskills - Kepentingannya dalam Memenuhi Kebolehpasaran Pekerjaan Terhadap Graduan Politeknik Johor Bahru (PJB). *Tourism & Hospitality Essentials (THE) Journal*, 2(2015), 921-938. <https://doi.org/10.17509/thej.v5i2.2003>
- Ikwan Lubis, Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar Taib, Mohd. Azaharin Ismail & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2021). Dasar Falsafah dan Polisi Pendidikan Bersepadu: Pengalaman Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam & Civilization (ACER-J)*, 4(1), 1-19.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Kenyataan Media Statistik Siswazah 2020*. Putrajaya. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4Press_Statement/2021/7.%20Julai/STATISTIK%20SISWAZAH%202020-COMBINE.pdf
- Latifah Abdul Latiff, Ros Aiza Mohd. Mokhtar & Abd. Hakim Mohad. (2020). Penerimaan Pelajar USIM terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa: Satu Analisis Deskriptif. *e-proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020)*. 15 Oktober 2020. Universiti Sains Islam Malaysia. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6839>
- Malaysian Qualifications Agency. (2007). *Malaysian Qualifications Framework*. Petaling Jaya: Qualifications Agency Malaysia. <https://www.mqa.gov.my/new/document/mqf/2021/MQF%20Ed%202%2002102019%20updated%2017022021.pdf>
- Malaysian Qualifications Agency. (2017). *Malaysian Qualifications Framework 2nd Edition*. Petaling Jaya: Qualifications Agency Malaysia. <https://www.mqa.gov.my/new/document/mqf/2021/MQF%20Ed%202%2002102019%20updated%2017022021.pdf>
- Ministry of Education Malaysia. (2015). *Malaysia Education Blueprint 2015-2025*. Putrajaya, Higher Education Malaysia.
- Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Wan Ab Aziz Wan Daud & Mohammad Najib Jaffar. (2019). Penerimaan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Pembelajaran Teradun Berteraskan Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 84-94.
- Mohd. Sohaimi Esa, Abang Mohd. Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Siti Aidah Lukin @ Lokin, Saifulazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian Kes di Kalangan Pelajar Prasiswa Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 57-67.
- Mok Soon Sang. (2009). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2009). *Pengurusan Kurikulum*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhammad Amirul Mohd. Nor & Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2020). Falsafah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam: Imam Al-Qabisi. *Sains Insani*, 5(1), 187-193. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.132> (Original work published May 31, 2020)
- Norazlin Mohd. Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019, 23-24 November). *Amalan dan Cabaran Perlaksanaan Pembelajaran Abad ke-21*. Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE). Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Malaysia.
- Osman Bakar. (2018, 15-16 November). *Aspek Kesejagatan dan Peradaban Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pengajaran Tinggi*. Dalam Seminar Pendidikan Berasaskan Nilai. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia.
- Syamsul Azizul Marinsah, Abang Mohd. Razif Abang Muis, Mohd. Sohaimi Esa, Irma Wani Othman, Habibah @

- Artinie Ramlie, Saifulazry Mokhtar & Muhammad Safuan Yusoff. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian terhadap Modul Kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 137-149. <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/33266>
- Xifu Naser. (2019). Mengapa Wajib Falsafah? Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/47228/KOLUMNIS/Mengapa-wajib-falsafah>.